

BAHAGIAN A
(20 MARKAH)

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. Bulatkan jawapan yang paling tepat pada ruangan jawapan yang disediakan..

Soalan 1 hingga 3 berdasarkan ayat 134 surah Ali Imran.

الَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ
١٣٤

(Surah Ali Imran 3: ayat 134)

1. Apakah maksud (وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ) dalam ayat?
 - A. Dan Allah mengasihi orang yang berbuat perkara yang baik
 - B. Dan Allah Maha pengampun lagi mengasihani
 - C. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepadanya
 - D. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu
2. Nyatakan hukum tajwid bagi potongan ayat “يُنْفِقُونَ”.
 - A. Izhar Halqi
 - B. Izhar Syafawi
 - C. Ikhfa' Hakiki
 - D. Ikhfa' Syafawi
3. Apakah sifat mahabbah yang disarankan dalam ayat tersebut?
 - A. Mendoakan keampunan untuk ibu bapa
 - B. Memafkan kesalahan orang lain
 - C. Mengajak bersama-sama berbuat kebaikan
 - D. Menghormati orang yang lebih tua dan mengasihani orang yang lebih muda
4. Pilih pernyataan tentang cara mencegah kemungkaran dengan hati.
 - A. Berazam untuk tidak melakukan perbuatan mungkar
 - B. Menggunakan kuasa atau jawatan untuk mencegah perbuatan mungkar
 - C. Menegur dan menasihati orang yang berbuat kemungkaran
 - D. Melaporkan kemungkaran kepada pihak berkuasa

5. Berikut adalah perbezaan antara malaikat dan manusia **kecuali**

	Malaikat	Manusia
A.	Tidak berjantina	Berjantina
B.	Tidak bernaftu	Bernaftu
C.	Dicipta daripada cahaya	Dicipta daripada tanah
D.	Tidak sentiasa taat kepada Allah	Sentiasa taat kepada Allah

6. Berikut adalah rukun khutbah **kecuali**

- A. Memuji Allah SWT
 - B. Memberi nasihat supaya bertakwa
 - C. Khutbah disampaikan dalam bahasa Arab
 - D. Berselawat ke atas Rasulullah SAW
7. Antara berikut yang manakah syarat khutbah jumaat?
- A. Khatib berkhutbah di atas mimbar
 - B. Khatib suci daripada hadas dan najis
 - C. Makmum mendengar khutbah yang disampaikan
 - D. Makmum diam dan tidak bercakap-cakap
8. Antara berikut yang manakah **bukan** amalan sunat hari jumaat?
- A. Membaca surah Yaasin
 - B. Memperbanyakkan selawat dan berdoa
 - C. Memotong kuku dan misai
 - D. Mandi sunat
9. Antara berikut yang manakah **bukan** sebab diharuskan tayammum?
- A. Cuaca terlampau panas
 - B. Sejuk yang boleh memudharatkan kesihatan
 - C. Tidak dapat menggunakan air kerana sakit seperti melecur
 - D. Air hanya cukup untuk diminum
10. Apakah maksud solat jamak takdim?
- A. Menghimpunkan dua solat fardhu dalam satu waktu
 - B. Menunaikan dua solat fardhu dalam waktu solat yang pertama
 - C. Menunaikan dua solat fardhu dalam waktu solat yang kedua
 - D. Memendekkan solat fardhu empat rakaat kepada dua rakaat
11. Berikut adalah syarat perjalanan yang diharuskan solat jamak dan qasar.
- I. Tempoh bermusafir tidak melebihi tiga hari
 - II. Dilakukan ketika menunaikan haji
 - III. Mengetahui destinasi yang dituju
 - IV. Jarak perjalanan sehala melebihi 81 km
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
12. Pilih pernyataan yang **benar** tentang perkara yang membatalkan puasa.
- I. Murtad
 - II. Bersahur

- III. Berbekam
- IV. Hilang akal

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

13. Namakan solat sunat yang mengiringi solat-solat fardhu.

- A. Solat Tahiyatul Masjid
- B. Solat Witir
- C. Solat Tarawih
- D. Solat Rawatib

Tidak mencuri	Tidak berzina	Tidak membunuh anak
---------------	---------------	---------------------

14. Pernyataan di atas merujuk kepada isi kandungan

- A. Piagam Madinah
- B. Bai'ah Ridwan
- C. Bai'ah Aqabah pertama
- D. Bai'ah Aqabah kedua

15. Mesyuarat yang diadakan di _____ telah bersetuju agar seorang pemuda gagah daripada setiap puak dipilih untuk membunuh Rasulullah SAW.

- A. Darul Arqam
- B. Darul Nadwah
- C. Darul Nafakah
- D. Darul Saqifah

16. Rasulullah SAW bersama Abu Bakar menuju ke Madinah bersama _____, seorang penunjuk jalan.

- A. Amir bin Fuhairah
- B. Suraqah bin Malik
- C. Abdullah bin Uraiqit
- D. Abdullah bin Abu Bakar

17. Rasulullah SAW telah membina asas negara Islam Madinah yang kuat dengan cara berikut **kecuali**

- A. Membina masjid
- B. Membina pusat perniagaan
- C. Mengislamkan penduduk Madinah
- D. Mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar

18. Apakah sumbangan Saidatina Sumayyah kepada perkembangan agama Islam?

- A. Memberi khidmat bakti dalam menyediakan keperluan harian Rasulullah SAW
- B. Membelanjakan semua hartanya untuk Islam
- C. Menjadi tempat rujukan para sahabat selepas kewafatan Rasulullah SAW

D. Memberi imej yang baik dalam memperjuangkan akidah Islam

19. Pilih cara-cara mengimarahkan masjid.

- I. Bergurau senda dan melepak untuk mengeratkan silaturrahim
- II. Mengadakan pelbagai aktiviti seperti majlis perkahwinan
- III. Menunaikan solat fardu secara berjemaah
- IV. Melawat dan memerhatikan keindahan seni bina

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

20. Kewajipan seorang muslim kepada jiran bukan Islam ialah

- A. Mengambil berat terhadap penderitaan dan kesusahan jiran
- B. Mengajak jiran melakukan kebaikan dan mencegahnya dari kemungkaran
- C. Memberi nasihat kepada jiran tentang ibadah dan akhlak Islam
- D. Memanggil jiran dengan suara yang kuat dan nyaring

Jawab **semua** soalan.

1. Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ
١٥٩

Surah Ali Imran 3: ayat 159

Ayat di atas menerangkan sifat-sifat kesantunan Rasulullah ketika berdakwah.

a) Tandakan (✓) pada pernyataan yang merujuk kepada sifat kesantunan dakwah Rasulullah SAW dan (X) pada pernyataan yang tidak berkaitan.

- i. Berlemah lembut ketika menuturkan kata-kata
- ii. Memaafkan perbuatan zalim orang musyrikin terhadap Baginda
- iii. Mendermakan harta ketika susah dan senang
- iv. Bermesyuarat untuk mendapatkan keputusan yang terbaik

☐
☐
☐
☐

b) Berdasarkan hadis di atas, padankan potongan hadis berkenaan dengan maksudnya.

- | | | |
|-----|-----------------------------|---|
| i. | وَيَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ | ● Ketahuilah bahawa itu ialah hati |
| ii. | أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ | ● Dan di antara kedua-duanya terdapat perkara syubhat |
| | | ● Ketahuilah dalam tubuh itu ada seketul daging |

2. Percaya kepada malaikat dan kitab Allah SWT adalah sebahagian daripada rukun Iman.

a) Nyatakan BETUL atau SALAH bagi pernyataan di bawah.

- | | | |
|------|--|-------|
| i. | Malaikat berjantina lelaki atau perempuan | |
| ii. | Antara tugas malaikat ialah mendoakan keampunan untuk umat Islam yang taat | |
| iii. | Semua percakapan dan perlakuan manusia dicatat oleh malaikat | |
| iv. | Malaikat menjalankan tanggung jawabnya untuk mendapat pahala | |

b) Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul.

	Ridwan	Jibril	Mikail	Malik	Rakib
--	--------	--------	--------	-------	-------

	Tugas Malaikat	Nama Malaikat
i.	Mengurus rezeki, menurunkan hujan dan menumbuhkan tanaman	
ii.	Menjaga neraka	
iii.	Menyampaikan wahyu kepada rasul-rasul	
iv.	Menjaga syurga	

c) Lengkapi pernyataan berikut dengan memilih perkataan yang disediakan.

- i. adalah kalam Allah yang mengandungi hukum dasar, kata-kata hikmah dan pengajaran kepada manusia.
- ii. Antara tujuan al-Quran diturunkan adalah sebagai petunjuk kepada orang yang
- iii. Kitab Taurat dan Injil diturunkan dalam bahasa
- iv. Nabi Ibrahim AS menerima

3. Hukum solat jumaat adalah fardhu ain bagi setiap lelaki muslim yang mukallaf.

a) Tulis (SW) pada syarat wajib solat jumaat dan (SS) pada syarat sah solat jumaat.

	Pernyataan	(SW) atau (SS)
i.	Solat didirikan dalam waktu zohor hari jumaat	
ii.	Sihat tubuh badan	
iii.	Bermastautin dan bukan bermusafir	
iv.	Solat didahului dengan dua khutbah	

b) Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul.

Qadha'	Fidyah	Kaffarah	Ta'khir
--------	--------	----------	---------

- i. Memberi makan kepada fakir dan miskin dengan kadar secupak makanan asasi sesebuah negara bagi sehari puasa Ramadhan yang ditinggalkan
- ii. Denda yang dikenakan kepada suami yang membatalkan puasa Ramadhan dengan melakukan persetubuhan
- iii. Mengganti hari puasa bagi setiap hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan

c) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai kepimpinan Rasulullah SAW di Madinah.

- i. Rasulullah SAW mengutamakan perdamaian berbanding peperangan
- ii. Baginda bertindak tegas dengan mengusir kaum Yahudi dari Madinah
- iii. Baginda menjadi imam setiap kali solat fardhu kecuali ketika sakit
- iv. Baginda berbincang dan menetapkan keputusan bersama para sahabat

☐☐☐☐

4. Ibu bapa dan keluarga adalah individu yang paling rapat. Beradab terhadap mereka merupakan satu kewajipan.

a) Garis perkataan yang betul berkaitan cara beradab kepada ibu bapa.

- i. Setiap anak (wajib / harus) menjaga hati dan perasaan ibu bapa.
- ii. Anak-anak hendaklah selalu (menjauhi / menziarahi) ibu bapa yang tinggal berasingan.
- iii. Anak-anak hendaklah (diam / menyanggah) jika tidak bersetuju dengan pendapat ibu bapa.
- iv. Setiap anak yang telah dewasa bertanggung jawab (mengabaikan / memenuhi) nafkah dan keperluan ibu bapa.